

SEJARAH KEBANGKITAN ISLAM DI MALAYSIA PASCA KEMERDEKAAN: KAJIAN TERHADAP SENI SILAT CEKAK MALAYSIA

THE HISTORY OF THE RISE OF ISLAM IN MALAYSIA POST- INDEPENDENCE: A STUDY ON MALAYSIA'S CEKAK SILAT MARTIAL ART

Mohd Miqdad Aswad Ahmad¹
Shukri Janudin²
Zanirah Mustafa@Busu³

¹ Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA (UiTM), Malaysia,
(E-mail: miqdad@uitm.edu.my)

² Persatuan Seni Silat Cekak Malaysia, Kuala Lumpur, Malaysia,
(Email: shuxre75@hotmail.com)

³ Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA (UiTM), Malaysia.
(E-Mail: zanir126@uitm.edu.my)

Article history

Received date : 31-5-2023
Revised date : 1-6-2023
Accepted date : 25-6-2023
Published date : 26-6-2023

To cite this document:

Ahmad, M. M. A., Janudin, S., & Mustafa@Busu, Z.
(2023). Sejarah Kebangkitan Islam Di Malaysia Pasca
Kemerdekaan: Kajian Terhadap Seni Silat Cekak
Malaysia. *Journal of Islamic, Social, Economics and
Development (JISED)*, 8 (53), 193 - 203.

Abstrak: Kebangkitan Islam di Malaysia pasca kemerdekaan di antara tahun 1960an sehingga era 1980an sering berhadapan dengan pelbagai krisis serta kekeliruan dari aspek pemikiran, kefahaman dan amalan kerohanian. Perubahan dan peranan khusus kepada institusi silat lebih kompleks kerana silat merupakan pertubuhan yang terletak di tengah titik struktur pentadbiran dan budaya politik masyarakat Melayu seterusnya mempunyai hubungan yang terjalin dengan ruang sosial agama, sosialisasi dan kebudayaan di peringkat mikro dan juga makro. Keadaan ini turut mempengaruhi perkembangan awal ilmu persilatan Seni Silat Cekak Malaysia sepanjang tempoh tersebut. Objektif kajian ini untuk mengenal pasti sejarah kebangkitan Islam di Malaysia, kedua melihat kesan dan sumbangan oleh Seni Silat Cekak Malaysia dalam sejarah kebangkitan Islam di Malaysia. Metodologi kajian ini berasaskan kajian kualitatif dengan menggunakan pendekatan atau kaedah analisa dokumen serta temubual bersemuka bagi menganalisa beberapa fenomena dalaman dan luar negara yang berlaku sepanjang era 1960an hingga 1980an yang banyak mempengaruhi suasana dan keadaan masyarakat dan negara khususnya ketika kebangkitan Islam di tanah air dan sejauh mana ilmu persilatan Silat Cekak yang diterajui oleh Persatuan Seni Silat Cekak Malaysia (PSSCM) telah memenuhi keperluan kebangkitan tersebut. Kajian turut memperlihatkan sejarah penglibatan Persatuan Seni Silat Cekak Malaysia di dalam proses pembangunan dan pemerkasaan komuniti Melayu-Muslim di negara ini. Hasil kajian ini telah menunjukkan ciri-ciri serta faktor yang menunjukkan Seni Silat Cekak Malaysia telah menjadi penggerak mengisi ruang-ruang dalam proses kebangkitan Islam di Malaysia pasca kemerdekaan. Pembuktian kajian ini boleh dijadikan acuan awal kepada kajian-kajian seumpamanya pada masa hadapan

berkaitan dengan sejarah kebangkitan Islam di Malaysia sepanjang pasca kemerdekaan yang kemudiannya mempengaruhi perkembangan seni silat Melayu di negara ini.

Kata kunci: Silat, Melayu, Islam, Kemerdekaan, Silat Cekak Malaysia

Abstrack: *"The Rise of Islam in Malaysia post-independence, from the 1960s to the 1980s, often faced various crises and confusion in terms of thought, understanding, and spiritual practices. The changes and specific roles of the silat institution were more complex because silat was an organization situated at the intersection of administrative structures and the political culture of the Malay society, thereby having a connection with religious, socialization, and cultural spaces at both micro and macro levels. This situation also influenced the early development of knowledge in the Seni Silat Cekak Malaysia during that period. The objective of this study is to identify the history of the rise of Islam in Malaysia and to examine the effects and contributions of Seni Silat Cekak Malaysia in the history of Islam's rise in Malaysia. The research methodology is based on qualitative study, utilizing document analysis and face-to-face interviews to analyze various internal and external phenomena that occurred during the 1960s to 1980s era, which greatly influenced the social and national atmosphere, particularly during the rise of Islam in the country. The study also highlights the history of the involvement of the Persatuan Seni Silat Cekak Malaysia (PSSCM) in the process of development and empowerment of the Malay-Muslim community in this country. The findings of this study have shown the characteristics and factors indicating that Persatuan Seni Silat Cekak Malaysia has played a significant role in filling the gaps in the process of Islam's rise in Malaysia post-independence. The evidence from this study can serve as a preliminary reference for future studies regarding the history of Islam's rise in Malaysia post-independence, subsequently influencing the development of Malay martial arts in the country."*

Keywords: Silat, Malay, Islam, Independence, Seni Silat Cekak Malaysia"

Pendahuluan

Kebangkitan merupakan satu proses kesedaran serta kegiatan yang membawa kemajuan yang terkait dengan langkah-langkah yang proaktif bagi mencapai sesuatu yang positif. Kesedaran tersebut didasari dengan ilmu pengetahuan sehingga menjadi asas kepada kewujudan tamadun besar. Dalam sejarah dunia, kebangkitan sesuatu tamadun bangsa mempunyai tujuan dan objektif khusus bagi membangunkan masyarakat yang berada dalam kemunduran dari sudut pembangunan mental dan fizikal. Kebangkitan kebiasaannya akan menghasilkan perubahan dan pembaharuan samada secara total seperti revolusi atau secara drastik ke arah situasi lebih baik dikenali sebagai reformasi ataupun melakukan penyesuaian serta penambahbaikan sistem yang dikenali sebagai transformasi. Menurut Bakar (2003), istilah kebangkitan atau bangun semula atau resurgence merupakan satu fenomena yang berpunca dari dalaman atau kesedaran dalam kalangan masyarakat Islam akibat terjadinya halangan atau cabaran terhadap pandangan, pemikiran dan cara hidup umat Islam oleh kuasa asing dan penjajah.

Kebangkitan Islam di Malaysia amat unik kerana terdapatnya hubungan erat antara Islam dan Melayu. Ini didasari oleh Perkara 152, Perkara 153 dan Perkara 160 Perlembagaan Persekutuan yang mentafsirkan Melayu itu mesti beragama Islam, bertutur bahasa Melayu, mengamalkan budaya Melayu serta mengamalkan taat setia kepada seorang ketua negara iaitu Yang Di Pertuan Agong. Proses kebangkitan Islam melibatkan kaum Melayu merangkumi aspek amalan agama, pendidikan, politik dan ekonomi yang banyak dipengaruhi oleh senario kebangkitan

Islam global. Ia bermula melalui penentangan terhadap penjajahan Barat di tahun-tahun 1800an, perjuangan menuntut kemerdekaan hingga ke konflik Arab-Israel, Revolusi Iran (1979) dan insiden pencerobohan tentera Soviet Union ke atas Afghanistan (1980). Menurut Abd Latiff (2003), fenomena-fenomena ini dianggap sebagai era kebangkitan Islam yang merupakan fasa ke empat berlaku dalam pasca kemerdekaan Malaysia.

Dalam konteks Malaysia, kebangkitan Islam disinonimkan dengan perjuangan membangunkan Islam yang bermula pada era pra kemerdekaan dan berterusan sehingga ke pasca kemerdekaan melalui penglibatan pelbagai gerakan pertubuhan agama, sosial, ekonomi dan politik (Abdullah, 1997). Menurut Maisarah (2012) kebangkitan Islam di Malaysia terbahagi kepada dua fasa iaitu gelombang pertama pada zaman penjajahan yang dipelopori oleh golongan Kaum Muda yang menentang aliran konservatisme Kaum Tua dan kelompok modenisasi ala Barat. Sementara pada fasa keduanya bermula selepas kemerdekaan yang dimobilisasi oleh golongan intelektual Melayu berilhamkan senario yang berlaku di negara-negara Timur Tengah.

Menurut al-Qaradhawi (1994) umat Islam tertindas dan mundur kerana tidak beramal dan memahami ajaran Islam yang sebenar. Justeru kebangkitan Islam terjadi setelah tokoh-tokoh Islam berusaha mengembalikan Islam sebagai cara hidup berasaskan kekuatan ilmu setelah bebas dari penjajahan asing (Rahmawati & Hasanah, 2015). Sementara Rabani dan Sastrawati, (2021) menyatakan kebangkitan Islam merupakan satu gerakan sosial umat Islam yang digerakkan atas kesedaran kolektif untuk mempertahankan nilai, ajaran serta amalan keislaman di tengah-tengah kehidupan berbangsa dalam sebuah negara setelah dicabar dan ditekan oleh pihak-pihak tertentu.

Hakikatnya, kebangkitan Islam di Malaysia didasari oleh kesedaran umat untuk menghayati dan memahami semula Islam sebagai cara hidup berdasarkan al-Quran dan sunnah. Kemunculan pelbagai parti politik berteras kebangsaan dan agama serta persatuan dan pertubuhan Islam tetap memiliki bermatlamat yang sama bagi memenuhi makna kebangkitan tersebut. Hasil dari perjuangan tersebut telah muncul pelbagai pencapaian serta pembaharuan dalam pelbagai aspek seperti ekonomi, pendidikan, sosial dan sebagainya. Justeru kebangkitan tersebut juga terkesan kepada perkembangan ilmu persilatan Melayu khususnya seni silat Cekak dan sejauhmana ilmu persilatan ini turut menyumbang serta memenuhi keperluan kebangkitan tersebut.

Metodologi

Artikel ini berbentuk kualitatif yang merupakan sebuah kajian kepustakaan yang melibatkan proses pengumpulan data daripada dokumen-dokumen bercetak dan temubual. Artikel ini berbentuk kajian kualitatif yang berasaskan kajian kepustakaan. Kajian ini berasaskan kajian kualitatif dengan menggunakan pendekatan atau kaedah analisa dokumen serta temubual bersemuka bagi menganalisa beberapa fenomena dalaman dan luar negara yang berlaku sepanjang era 1960an hingga 1980an yang banyak mempengaruhi suasana dan keadaan masyarakat dan negara khususnya ketika kebangkitan Islam di tanah air dan sejauh mana ilmu persilatan Silat Cekak yang diterajui oleh Persatuan Seni Silat Cekak Malaysia (PSSCM) telah memenuhi keperluan kebangkitan tersebut dalam proses penganalisan data untuk mendapatkan hasil dapatan yang sepatutnya bagi mencapai objektif kajian ini.

Sorotan Literatur

Silat Cekak merupakan salah satu dari ratusan warisan ilmu seni mempertahankan diri bangsa Melayu - Islam yang masih wujud dan berkembang pesat di negara ini dengan sejarahnya berasal-usul dari negeri Kedah Darul Aman. Kewujudannya di negeri tersebut diketahui bermula apabila seorang panglima kanan yang dikenali sebagai Panglima Ismail yang mengamalkan ilmu persilatan ini telah mempertahankan kedaulatan negeri tersebut dari pencerobohan musuh-musuh asing (Ahmad, 1978).

Melalui kajian komprehensif oleh Janudin & Yusoff (2019 & 2021b), panglima kanan tersebut dikenali sebagai 'Dato' Seri Paduka Raja Laksamana Wan Ismail bin Wan Muhammad Long' yang berkhidmat di bawah pemerintahan lima orang Sultan Kedah sepanjang abad ke 18. Laksamana Wan Ismail atau Panglima Ismail merupakan tokoh utama yang mengembangkan Silat Cekak di Kedah serta memainkan peranan yang begitu besar dalam sistem pentadbiran negeri Kedah tradisional sebelum ilmu silat ini diwariskan kepada penggantinya 'Panglima Abdul Rashid bin Awang Lahat' atau Panglima Tok Rashid.

Menurut Janudin & Yusoff (2021b), Silat Cekak mempunyai kaitan langsung dengan evolusi perkembangan tamadun awal negeri Kedah sehingga terasasnya empayar agung Langkasuka seterusnya ke era pengislaman Kedah, era campurtangan kerajaan Chola, Srivijaya, Dharmasraya, Singhasari, Majapahit, Tenangsari, Pasai, Melaka, Aceh, Siak dan Bugis sehingga ke era bermulanya pencerobohan tentera Thai ke atas empayar Kedah. Ilmu mempertahankan diri ini aktif digunakan sebagai sebuah wadah jihad kebangkitan Islam dan penyatuan umat alam Melayu menentang penjajahan Siam semasa era Perang Kedah - Siam atau dikenali sebagai Perang Musuh Bisik (1821 hingga 1842). Perjuangan tersebut turut dipimpin oleh Laksamana Kedah Wan Ismail atau Panglima Ismail. Seterusnya beliau menyerahkan wasiat silat ini kepada Panglima Tok Rashid.

Sewaktu zaman Panglima Tok Rashid memegang silat ini sepanjang 1897 hingga 1925, ilmu Silat Cekak agak sukar berkembang di Kedah lantaran keadaan sosio-politik semasa yang menyaksikan negeri tersebut diletakkan secara langsung di bawah pentadbiran dan jajahan Inggeris bermula setelah termenterainya Perjanjian Inggeris - Siam pada tahun 1909. Dalam masa yang sama sepanjang era 1800 hingga awal 1900an berlakunya kebangkitan dan tentangan hebat para pejuang Melayu yang didasari perjuangan jihad ke atas campurtangan Inggeris di Tanah Melayu.

Silat Cekak Era Penjajahan

Selepas termeterainya Perjanjian Kedah - Inggeris 1923 sistem pentadbiran, perekonomian serta pertahanan negeri Kedah telah dikawal dan dimodenkan berdasarkan citarasa Barat dengan tertubuhnya pasukan Polis Kedah yang diletakkan di bawah penyeliaan terus Inggeris di samping penubuhan perjawatan perkhidmatan awam negeri Kedah Civil Service (KCS) dilantik dalam kalangan bangsawan Melayu. Keadaan ini secara langsung telah menghapuskan sistem pentadbiran dan keselamatan tradisional sebelumnya. Institusi kesultanan Kedah turut dihadkan kuasanya eksekutif yang hanya bertanggungjawab terhadap bidang agama serta adat istiadat Melayu sahaja.

Sementara persepsi para pentadbir Inggeris melihat institusi persilatan yang dipimpin oleh para pahlawan silat serta institusi agama seperti pondok dan madrasah berkait rapat dengan gerakan sufi dan tasawuf Islam yang dipelopori para ulama sebagai sebuah ancaman besar kepada kelangsungan pentadbiran mereka di Tanah Melayu berdasarkan oleh beberapa insiden

penentangan terhadap campurtangan kolonial di beberapa buah negeri Melayu sebelum ini. Justeru jalan dicari untuk memisahkan gabungan dua kelompok ini agar ia tidak menjadi ancaman berterusan kepada kelangsungan pemerintahan kolonial di Tanah Melayu.

Usaha tersebut menampakkan hasil apabila penjajah Inggeris berhasil memisahkan perkaitan antara ilmu persilatan dan ilmu agama selepas tahun-tahun 1930an hingga 1940an apabila terjadi pertembungan fahaman antara golongan Kaum Muda yang mengusung idea-idea pembaharuan agama berdasarkan Gerakan Pan Islami di Timur Tengah (Ahmad et al., 2018) setelah kejatuhan kekhalifahan Uthmaniyah dengan Kaum Tua yang terdiri dari kalangan para ulama tempatan, pembesar Melayu pro istana, golongan pendekar serta para pencinta seni budaya. Dalam masa yang sama kemunculan segelintir golongan aristoskrat Melayu yang berfahaman sekular-liberal berpendidikan Barat yang turut menolak pemikiran dan sistem Melayu dan Islam tradisional. Pertembungan pemikiran dan wadah perjuangan dalam kalangan golongan-golongan ini telah menyebabkan tumpuan dan usaha bangsa Melayu menuntut kemerdekaan negara ketika itu sedikit sebanyak terganggu dan dilengahkan. Kesannya pemisahan antara ilmu silat dan agama telah menyebabkan ilmu persilatan tidak lagi dipimpin oleh para ulama berjiwa pendekar yang akhirnya menyebabkan ilmu silat begitu mudah diresapi oleh unsur-unsur tahyul dan khurafat.

Sementara itu gabungan ilmu silat dan agama dianggap kolot sehingga timbul persepsi ia boleh menyekat kemajuan bangsa selain dipercayai berupaya mengugat kuasa pentadbiran Inggeris. Kesannya pelbagai sekatan dikenakan ke atas pergerakan orang Melayu antaranya larangan membawa atau memperagakan keris atau sebarang senjata tajam di tempat-tempat awam yang menjadi kebiasaan dan pelengkap kepada gaya pemakaian busana Melayu tradisional terutamanya dalam kalangan para pembesar, pendekar dan ulama tradisional. Penjajah juga memperkenalkan gaya pemakaian barat dan memberikan tumpuan kepada usaha memodenkan pentadbiran, sistem ekonomi, pertahanan dan pendidikan menyebabkan perkembangan ilmu persilatan di Tanah Melayu termasuk di Kedah semakin terpinggir. Selain itu, beberapa sekatan perundangan seperti Undang-Undang Darurat (1948) dan Akta Hasutan (1948) telah diperkenalkan bagi membendung gerakan subversif komunis, turut mempengaruhi pergerakan dan pertubuhan persilatan yang dianggap boleh mencetuskan ancaman keselamatan.

Silat Cekak Pasca Kemerdekaan Malaya

Ancaman keselamatan yang masih berterusan menyebabkan kerajaan telah memperkenalkan Akta Keselamatan Dalam Negeri pada tahun 1960. Situasi ini turut mempengaruhi perjalanan ilmu persilatan Silat Cekak selama 40 tahun sewaktu amanah Silat Cekak tersebut diserahkan oleh Panglima Tok Rashid kepada Encik Yahya bin Said bermula sejak tahun 1925. Sehingga tahun 1960an tiada sebuah pun badan silat atau badan kebudayaan Melayu yang mampu bergerak sendiri disebabkan ketiadaan sumber kewangan yang kukuh atau bantuan penuh dari kerajaan. Ia berbeza dengan pertubuhan-pertubuhan Cina yang pesat membangun di kampung-kampung baru ciptaan Inggeris semasa era Darurat dan mendapat sokongan penuh dari Dewan-Dewan Perniagaan masyarakat mereka melalui sistem quanxi (Lim & Novel, 2014).

Menurut Janudin dan Yusoff (2021a), keadaan sosio politik dan ekonomi yang tidak stabil dengan kadar kemiskinan dan buta huruf yang tinggi di samping pelbagai ancaman keselamatan telah banyak mengganggu tatacara pemerintahan dan pembangunan negara serta masyarakat Melayu di sejak tahun 1940an hingga 1970an. Menurut Ariffin et al. (2015) keadaan ini turut membentuk sikap pasif terutama sekali dalam kalangan orang Melayu yang terpengaruh dan lebih dipercayai kepada ilmu-ilmu kebatinan serta perkara-perkara mistik bagi mengatasi

permasalahan hidup, pelaris perniagaan, penyihiran dan pertahankan diri bagi menghadapi sebarang ancaman (Haniffa, 2017).

Menurut Hanafi (1985) perkara ini terjadi disebabkan ketiadaan bimbingan khusus dari para ulama yang benar-benar mahir dalam bidang agama dan persilatan. Keadaan ini mewujudkan sekelompok masyarakat yang jahil agama serta rosak iman dan akhlaknya yang secara tidak langsung telah memberikan persepsi buruk terhadap ilmu persilatan keseluruhannya. Ini termasuk ilmu persilatan Silat Cekak yang tenggelam kerana pelbagai halangan lantaran kerajaan lebih memfokuskan usaha memulihkan ekonomi negara serta menangani pelbagai ancaman keselamatan dari dalam dan luar negara sepanjang era 1960an hingga awal 1970an (Janudin & Yusoff, 2021a).

Namun Silat Cekak telah melalui perjalanan yang unik setelah ia dilahirkan semula setelah hampir sedekad selepas kemerdekaan negara iaitu pada Disember 1965 oleh Ustaz Hanafi bin Haji Ahmad (1965-1986). Sepanjang tempoh ini berlakunya era kebangkitan Malaya sebagai sebuah negara bangsa yang baharu. Dalam masa yang sama penguatkuasaan Akta Pertubuhan pada 1 Februari 1966 membolehkan pelbagai pertubuhan termasuk seni silat didaftarkan oleh kerajaan sebagai bentuk elemen kawalan keselamatan (Janudin & Yusoff, 2021a). Sementara Silat Cekak didaftarkan di bawah seksyen seni silat menerusi Perkumpulan Seni Sari Budaya Seri Kedah (PSSBSK) iaitu sebuah pertubuhan seni kebudayaan di negeri Kedah berpusat di Alor Setar.

Menurut Janudin (2022) di bawah kepimpinan Ustaz Hanafi bin Ahmad sebagai Guru Utama ilmu persilatan ini telah berkembang pesat selari dengan pelbagai dasar perundangan serta pembangunan negara antaranya Gerakan Maju, Gerakan Jaya, Gerakan Pembaharuan dan Gerakan Pelajaran Dewasa yang diperkenalkan oleh Tunku Abdul Rahman pada tahun 1966. Menurut Aziz (2014) program ini antaranya bertujuan mengubah pemikiran dan sikap orang Melayu agar gigih mengejar kemajuan dan menghindari pemikiran kolot.

Menjelang tahun 1967, Silat Cekak mula dikembangkan di beberapa tempat antaranya di Alor Merah, Jitra dan Sungai Petani. Silat Cekak telah berjaya didaftarkan sebagai Persatuan Seni Silat Chekak Kedah Malaysia (PSSCKM) dan akhir turut berkembang di luar Kedah iaitu di Bukit Mertajam pada awal tahun 1968 selepas beberapa bulan insiden protes ekonomi dan rusuhan kaum; Hartal di Pulau Pinang pada November 1967 (Bloodworth, 2010).

Beberapa tahun kemudian berlaku pula Insiden dan Darurat 13 Mei yang turut mengganggu proses perjalanan Silat Cekak. Ustaz Hanafi bin Haji Ahmad akhirnya mengambil keputusan untuk berhijrah ke Kuala Lumpur pada awal tahun 1970 dan kebetulan ketika itu Dasar Ekonomi Baru (DEB) serta Dasar Kebudayaan Kebangsaan (DKK) telah diperkenalkan oleh kerajaan bagi mengubah landskap sosio ekonomi rakyat dan menjadi pelopor terbesar kepada kebangkitan umat Melayu-Islam ketika itu. Di Kuala Lumpur Ustaz Hanafi bin Haji Ahmad telah berusaha mengubah strategi untuk menaikkan taraf ilmu persilatan Silat Cekak dengan mendaftarkannya sebagai Persatuan Seni Silat Cekak Malaysia (PSSCM) pada 1971 yang bersifat nasional dengan beliau menjadi Guru Utama dan Presiden PSSCM hingga ke tahun 1986. Susulan itu juga Perlembagaan PSSCM digazetkan pada tahun 1971 dan berfungsi sebagai panduan berpersatuan oleh ahli-ahli Silat Cekak.

Pembaharuan Dalam Ilmu Persilatan

Di bawah kepimpinan Ustaz Hanafi bin Haji Ahmad, Silat Cekak mula terserlah kebangkitannya dengan mengangkat nilai-nilai Islam diserap melalui amalan persilatan dan kegiatan budaya. Pelbagai amalan seperti adab, adat dan istiadat Melayu diperkenalkan selari dengan syariat beragama memandangkan beliau sendiri merupakan sosok yang mahir dengan ilmu agama. Pengajaran beliau dilakukan secara berselang seli dengan ceramah agama di samping pelbagai pembaharuan dilakukan terhadap corak kepimpinan dan pentadbiran silat yang telah membuka minda masyarakat mengenali ilmu persilatan Melayu yang mesra syariat.

Melalui Konvesyen Silat Melayu pada 1973, Silat Cekak mula mendapat perhatian para penuntut di beberapa universiti yang membawa kepada pengenalan ilmu Silat Cekak di Universiti Malaya (UM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Institut Teknologi MARA (ITM), Universiti Sains Malaysia (USM) dan Universiti Pertanian Malaysia (UPM). Pengenalan dan pembelajaran ilmu persilatan Silat Cekak di universiti-universiti awam mempunyai tujuan serampang dua mata iaitu bagi menyokong kelahiran modal insan yang berkualiti dengan melengkapkan para generasi muda mahasiswa dengan ilmu beladiri yang berlandaskan syariat serta menanam mereka dengan sifat jati diri serta sahsiah unggul yang amat diperlukan di dalam pembangunan negara serta kebangkitan Islam di masa hadapan.

Menurut PSSCM (1976) Ustaz Hanafi bin Haji Ahmad turut mengangkat martabat silat sebagai ilmu beladiri orang Melayu yang selari dengan syariat apabila memperkenalkan kod etika berpakaian bagi PSSCM sewaktu Majlis Penyampaian Sijil iaitu baju Melayu lengkap berwarna biru gelap, bersampin dan bertanjak songket, bercapal putih serta bersongkok. Beliau sendiri buat pertama kali memakai busana songket lengkap bertanjak serba kuning bagi menjunjung adat tradisi dan budaya pemakaian Melayu serta mengurniakan Sijil Penghargaan bukannya selempang bagi menghargai jasa dan pengorbanan ahli-ahli PSSCM sepanjang tempoh 10 tahun sewaktu perayaan Sedekad Silat Cekak pada tahun 1975.

Pendirian PSSCM Memenuhi Kebangkitan Islam

Menurut Janudin (2020), PSSCM sebagai sebuah badan bukan kerajaan atau Non-Government Organization (NGO) telah berusaha memartabatkan nilai-nilai Islam dalam setiap aktiviti melalui kegiatan kesukarelawan bersama masyarakat. Usaha mendekati dan melibatkan masyarakat dalam kegiatan berpersatuan merupakan proses penting dalam sesebuah pembangunan komuniti. PSSCM telah menjadikan pembelajaran ilmu persilatan sebagai satu daya tarikan yang menggalakkan penyertaan masyarakat khususnya masyarakat Melayu-Islam bagi memacu rasa cinta terhadap tamadun bangsa dan sebagai pemangkin semangat patriotisme seterusnya berfungsi sebagai wadah penyatuan masyarakat Melayu - Muslim di Malaysia. Sementara menurut Ariffin et al. (2016), PSSCM telah membangunkan kerohanian para ahlinya untuk mengekalkan budaya Melayu walaupun hidup dalam arus kemodenan tanpa menjadi Barat serta boleh menjadi mukmin tanpa menjadi Arab. Hal ini turut ditegaskan oleh Abdul Majid Ismail et al. (2012) yang menyatakan PSSCM diasaskan berlandaskan Perlembagaan Persekutuan (1957) dan Perlembagaan PSSCM (1971) yang berusaha menyatupadukan bangsa Melayu dan menjunjung syariat Islam agar mereka dapat hidup aman damai bersama bangsa-bangsa lain.

Menurut Janudin (2020 & 2021c), Silat Cekak di sepanjang perkembangannya di era 1970-1980an sentiasa seiring dengan pelaksanaan beberapa buah dasar semasa negara ke arah masyarakat perbandaran, berteknologi dan berindustri. Dasar-dasar semasa kerajaan antaranya seperti DEB, DKK, Bersih Cekap Amanah (1982) dan Dasar Penerapan Nilai-Nilai Islam dalam

Pentadbiran (1985) serta pembangunan institusi Islam seperti Universiti Islam Malaysia (UIA) pada 1983, penambahbaikan sektor awam seperti di Bahagian Hal Ehwal Islam (BAHEIS) dan pengenalan Falsafah Pendidikan Negara (1988) serta pengenalan institusi-institusi kewangan Islam turut mempengaruhi PSSCM agar selari mengikuti perkembangan semasa terutamanya dari aspek pembangunan modal insan, pemodenan tadbir urus, pengurusan komuniti dan organisasi, semangat kesukarelawan serta mempertahankan keselamatan negara. Bahkan PSSCM menjadi pelopor kepada penubuhan Persekutuan Silat Kebangsaan Malaysia (PESAKA) yang menyatukan pertubuhan serta persatuan silat di Malaysia pada September 1983 yang menyatukan para pesilat bagi mengisi maksud kebangkitan Islam yang dinyatakan.

Penerimaan dan perkembangan Silat Cekak di Kuala Lumpur sepanjang era 1970an dilihat begitu selari dengan sentimen kesedaran dalam kalangan orang Melayu mencari ilmu bagi mempertahankan diri serta keinsafan mereka terhadap nasib bangsa serta keinginan untuk kembali kepada syariat Islam pasca tragedi 13 Mei 1969 (Shamsul, 1997). Menurut Ab. Aziz et al. (2006) dan Nasir (2010) fenomena ini menyebabkan beberapa buah pertubuhan Islam seperti Yayasan Dakwah Islamiyah Malaysia (YADIM), Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia (PERKIM), Al Arqam, Jemaah Tabligh, Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM) dan Persatuan Kebangsaan Pelajar Islam Malaysia (PKPIM) muncul menyemarakkan kegiatan dakwah di negara ini. Sementara Daulay (2013) menyatakan perpaduan dua parti Melayu terbesar; UMNO dan PAS sepanjang tahun 1972-1977 turut mewujudkan ketenteraman dalam masyarakat membolehkan proses kebangkitan Islam di Malaysia berjalan lancar.

Sementara itu PSSCM mengambil pendekatan budaya bagi mengekalkan sikap berkecuali dan tidak memihak atau non-partisan kepada sebarang pergolakan dalam masyarakat akibat perbezaan fahaman politik dan aliran pemikiran agama. Sifat berkecuali ini merupakan pendirian tegas PSSCM sejak tahun 1970an demi menjaga perpaduan dalam kalangan ahli-ahlinya (PSSCM, 1976, Ismail, 2016; Janudin, 2021c). PSSCM juga sentiasa bersifat tegas dengan tidak berkompromi terhadap sebarang pelanggaran akidah yang melibatkan unsur tahyul dan khurafat. Ustaz Hanafi bin Haji Ahmad pernah menolak kehadiran Menteri Belia dan Sukan untuk merasmikan Sambutan Sedekad Silat Cekak pada Disember 1975 kerana penglibatan Menteri tersebut di dalam sebuah pertubuhan silat batin iaitu Nasrul Haq yang menyalahi syariat (PSSCM, 1976) dan Maideen (temuramah, 23 Mei 2016). Penolakan tersebut berasas apabila pertubuhan tersebut akhirnya telah difatwakan sesat dari landasan Islam yang sebenar oleh kerajaan pada tahun 1978 (Wajidi, 1978).

Pengharaman tersebut merupakan satu kejayaan usaha PSSCM dan persatuan-persatuan Islam mengekang kerosakan akidah dari merebak dalam kalangan umat Islam di Malaysia khususnya di dalam dunia persilatan. Hanafi (1985) berpandangan silat merupakan salah satu saluran pendidikan bagi masyarakat Melayu khususnya menjaga hal-hal akidah. Justeru para ulama turut mempunyai peranan memurnikan ilmu serta amalan dalam dunia persilatan Melayu.

Menurut Abdul Hafiz et al, (2016) dan Mohd Miqdad Aswad Ahmad et al, (2019) PSSCM berusaha membangunkan kerohanian Islam melalui asas pantang larang dan membudayakan konsep bersalaman dalam persilatan yang merupakan tradisi dan syariat Islam serta budaya masyarakat Melayu. Menurut Maideen dan Abdul Majid (temuramah, 1 Mac 2019), pematuhan kepada konsep pantang larang bertujuan agar setiap ilmu yang dipelajari mendapat keberkatan dalam berilmu, mengenang jasa, hidup harmoni dan menjaga silaturrahim dalam masyarakat dengan mengelakkan persengketaan. Konsep pembelajaran Silat Cekak turut mempunyai nilai kerohanian yang menyemai sifat sabar, yakin dan berani dalam menghadapi musuh serta

permasalahan dalam hidup (Aznor Hanah Abdul Halim et al., 2016) di samping menjunjung adab dan adat serta budaya Melayu berteraskan ilmu persilatan dalam kehidupan seharian (Abdul Majid Ismail & Safiah Ahmad, 2011) demi kesejahteraan keluarga (Abdul Majid Ismail & Safiah Ahmad, 2006). Nilai-nilai ini merupakan asas kepada usaha melahirkan kelompok manusia atau modal insan yang berkualiti, berjati diri serta beriman bagi memenuhi asas kepada proses dan pemangkin kepada kebangkitan Islam yang dibincangkan.

Kesimpulan

Proses kebangkitan Islam di Malaysia tidak boleh lari dari peranan yang dimainkan oleh bangsa Melayu sebagai penduduk asal dan majoriti di negara. Kebangkitan tersebut banyak dipengaruhi oleh faktor dalaman serta luaran negara pasca kemerdekaan negara. Cabaran hebat semasa menuntut dan mengisi kemerdekaan telah memberikan keinsafan serta inspirasi kepada perjuangan orang Melayu untuk mengubah keadaan sosio ekonomi mereka. Keadaan ini turut mempengaruhi perkembangan ilmu persilatan Melayu termasuk Silat Cekak. Kemunculan semula silat tersebut di tengah-tengah arus perubahan dan kebangkitan Islam pasca merdeka membolehkan silat ini berkembang dengan baik seterusnya berusaha mengisi dan memenuhi proses kebangkitan tersebut. Dengan berbekalkan semangat juang yang tinggi serta kecekalan untuk membawa perubahan kepada masyarakat, Ustaz Hanafi bin Haji Ahmad telah memilih jalan kebudayaan iaitu seni silat menerusi Persatuan Seni Silat Cekak Malaysia (PSSCM) sebagai wadah perjuangannya bagi melahirkan generasi manusia berkualiti, berjati diri serta beriman yang secara tidak langsung bersama-sama menjadi pemangkin kepada proses kebangkitan Islam di negara ini.

Rujukan

- Abd Latiff, A. Z. (2003). *Pengaruh gerakan Islam Timur Tengah dalam perkembangan pemikiran Agama dan politik masyarakat Melayu (1971-1998)*/Ahmad Zaki bin Hj Abd Latiff (Doctoral dissertation, Universiti Malaya).
- Abdul Hafiz Ab Majid, Nurul Izza Abdul Aziz, Mohd Miqdad Aswad Ahmad, Safiah Ahmad & Ab Majid Ismail. (2016). *Pembangunan Kerohanian Islam Secara berterusan Melalui Ilmu Bela Diri Melayu: Analisis Dari Perspektif Seni Silat Cekak Malaysia*. Wan Norhaniza Wan Hasan & Nurul Suhada Ismail. pnyt, *Pembangunan Lestari Islam Konsep dan Aplikasi*, Ms 301, Pulau Pinang: Pusat Kajian Pengurusan Pembangunan Islam (ISDEV).
- Abdullah, A. R. H. (1997). *Pemikiran Islam di Malaysia: sejarah dan aliran*. Gema Insani.
- Abdul Majid Ismail & Safiah Ahmad. (2006). *Memupuk Nilai dan kesejahteraan Keluarga Melalui Ilmu Bela Diri* dalam Abdul Rashid et al. *Institusi Keluarga Menghadapi Cabaran Alaf Baru*. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors Sdn Bhd.
- Abdul Majid Ismail, Khaharuddin Abdul Rahman & Shahrem Md Ramli. (2012). *Silat Cekak Malaysia: Pergerakan Mono Religion Bukan Mono Race dalam Mohd Kipli Abdul Rahman. Nazarudin Zainun & Rahimah A. Hamid (edt). Kearifan Tempatan: Pengalaman Nusantara*, Jilid 2, Menelitis Kosmologi dan Adat Istiadat, Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia.
- Abdul Majid Ismail & Kaharudin Abd Rahman. (2018). "Pendidikan Akhlak Menerusi Pantang Larang Dalam Seni Silat Cekak Malaysia", dalam Norizan Esa & Salasiah Che Lah (edt), *Kelestarian dan Dinamisme Kearifan Tempatan Dalam Pendidikan*, Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia.
- Hanafi Ahmad. (1978). *Hanafi Hj. Ahmad dan seni silat cekak*. Universiti Malaya.
- Mohd Miqdad Aswad Ahmad, Abdul Hafiz Ab Majid, Ab Majid Ismail, Nurul Izza Abdul Aziz, Safiah Ahmad. (2019). [MS] *Spiritual Development Through Martial Arts: Seni Silat*

- Cekak Malaysia Perspective. *Asian Journal of Civilizational Studies (AJOCS)*, 1(4), 13-23.
- Ariffin Haron, Haron Din & Wan Mohd Ludfy Helmy Wan Mohar. (2016). *Mendidik Mukmin Sejati Untuk Kelestarian Pembangunan Islamik: Pengalaman Silat Cekak Malaysia, Pembangunan Lestari Islam Konsep & Aplikasi*. Pulau Pinang: Universiti Sains Islam Malaysia.
- Ariffin, M. F. M., Ahmad, K., Rosele, M. I., & Isamail, M. Z. (2015). Pusat perubatan alternatif islam di Malaysia: Persepsi perawat terhadap aplikasi jin dalam rawatan. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari*, 9, 61.
- Aziz, Abdul Rahman Abdul (2014). *Pembangunan 1960-an Daripada Kata-Kata Tun Abdul Razak Hussein*. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan Buku Malaysia.
- Aznor Hanah Abdul Halim, Nurazreena Ahmad, Rohani Farook, Aini Syuhada Md Zain, Normaliza Omar & Hassan Ali. (2016). *Pendekatan Asamul Husna Di Dalam Pelajaran Seni Silat Cekak, Pembangunan Lestari Islam Konsep & Aplikasi*. Pulau Pinang: Universiti Sains Islam Malaysia.
- Bakar, M. A. (2003). Kosmologi Melayu dalam Konteks Kebangkitan Semula Islam Kini: Suatu Refleksi. *Jurnal Usuluddin*, 18, 199-208.
- Bloodworth, D. (2010). *Part Six: People's Revolutionary War - The Arms Struggle (Repeat Performance) in the tiger and the Trojan horse*. Marshall Cavendish International Asia Pte Ltd.
- Hanafi Haji Ahmad (1985). *Peranan Ulama dalam Dunia Persilatan*. Muzakarah Pendekar. Panggung Percubaan Universiti Pertanian Malaysia. Anjuran Persatuan Seni Silat Cekak Malaysia, 2 Mac 1975.
- Haniffa, M. A. B. (2016). Darah Dan Air Mata Bekor: Mengimbuai Kembali Peristiwa 6 Mac 1946. *SEJARAH: Journal of the Department of History*, 25(1).
- Abdul Majid Ismail. (2016) *Silat; Ilmu Gaduh yang tidak perlu Gaduh* dlm 6th International Conference of Local Knowledge 2016 (ICLK): Local Wisdom Universal Heritage, Sekretariat Kearifan Tempatan, Universiti Sains Malaysia.
- Janudin, S., & Yusoff, Z. (2019). Tokoh Pahlawan Kedah; Dato'Seri Paduka Raja Laksamana Wan Ismail Serta Perkaitannya Dengan Panglima Ismail Dan Panglima Tok Rashid; Panglima Pembawa Silat Cekak Dalam Persejarahan Negeri Kedah Sepanjang 1800 – 1925. *Voice of Academia: Academic Series of Universiti Teknologi MARA Kedah*, 15(3), 72-95.
- Janudin, S., (2020). Peranan Persatuan Seni Silat Cekak Malaysia (PSSCM) Di dalam Pembangunan Komuniti Melayu-Muslim Berteraskan Ilmu Persilatan: The Role of Persatuan Seni Silat Cekak Malaysia (PSSCM) in Malay-Muslim Community Development of Silat Knowledge-Based. (2020). *Sains Insani*, 5(1), 79-85.
- Janudin, S., & Yusoff, Z. (2021a). Hubungan Persekitaran Zaman Pra dan Pasca Kemerdekaan Dengan Perkembangan Silat Melayu: Kajian Terhadap Seni Silat Cekak di Malaysia. *Jurnal Dunia Pengurusan*, 3(3), 1-14.
- Janudin, S., & Yusoff, Z. (2021b). Asal usul Silat Cekak dari Kedah: Analisa Persejarahan sejak Zaman Keagungan Pra Langkasuka ke Era Imperialisme Thai 1821. *Jurnal Dunia Pengurusan*, 3(3), 72-92.
- Janudin, S., (2021c). Pembentukan Modal Insan Melalui Pembangunan Belia Positif Dalam Kalangan Komuniti Seni Silat Cekak Malaysia. *Tesis Sarjana Sains. Universiti Putra Malaysia*.
- Lim, J. W., & Novel, L. (2013). Jaringan sosial pemasaran pertanian dalam kalangan komuniti Cina di Kampung Baru Tras, Raub, Pahang. *Geografia: Malaysian Journal of Society and Space*, 9(4).

- Nasir, B. M. (2010). Pendidikan dalam gerakan Islam di Malaysia: Satu tinjauan. *Journal of Islamic and Arabic Education*, 2(1), 1-12.
- Maisarah, H. (2012). *Respons pemikir Islam terhadap modeniti: wacana sains Islam sebagai kajian kes di Malaysia/Maisarah Hasbullah* (Doctoral dissertation, University of Malaya).
- PSSCM. (1975). Suara Cekak Bil 1 Ed. 2007 Kuala Lumpur: Penerbit PSSCM.
- PSSCM. (1976). Suara Cekak Bil 2 Ed. 2007 Kuala Lumpur: Penerbit PSSCM.
- PSSCM. (2015). Jubli Emas 1965-2015 Persatuan Seni Silat Cekak Malaysia. Selangor: Penerbit PSSCM.
- Rabani, B., & Sastrawati, N. (2021). Kebangkitan Islam Dalam Sistem Politik di Indonesia (Studi Analisis Dampak Gerakan 212). *SIYASATUNA: JURNAL ILMIAH MAHASISWA SIYASAH SYAR'ITYYAH*, 3(1), 41-53.
- Rahmawati, S. A., & Hasanah, U. (2015). Teori Kebangkitan Islam dan Realitasnya. Al Burhan: *Jurnal Kajian Ilmu dan Pengembangan Budaya Al-Qur'an*, 15(1).
- Shamsul, A. B. (1997). Identity construction, nation formation, and Islamic revivalism in Malaysia. *Islam in an era of nation-states: Politics and religious renewal in Muslim Southeast Asia*, 207-227.
- Wajdi, A. (1978). *Nasrul Haq: Bukan Ajaran Islam*. Majalah Dakwah. Mei 1978.